

SEJARAH, KAEDAH, SERTA MODEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN (HISTORY, METHODS, AND MODELS OF TEACHING AND LEARNING OF THE QURAN)

Kamarul Azmi Jasmi¹
Mohd Aderi Che Noh²

¹Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

²Fakulty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. & Che Noh, M. A. (2013). Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran (History, Methods, and Models of Teaching and Learning of the Quran) in *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI)* at Lecture Hall, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur on 28-29 October 2013, pp. 1-17.

ABSTRACT

Artikel ini akan membincangkan tiga perkara penting, iaitu sejarah ringkas perkembangan pendidikan Islam zaman awal ketika zaman Nabi s.a.w., sahabat, dan tabiin. Sejarah perkembang juga menyentuh kepada sejarah perkembangan kaedah pembacaan al-Quran di Malaysia. Bahagian kedua pula menyentuh kepada kaedah berkesan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bahagian ketiga ialah model pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Mohd Aderi Che Noh. 2006. Kajian Amalan Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK2006, Jilid 11*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Qadir Leong. 1998. *Tajwid al-Quran rasm 'uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Abdul Raof Dalip. 1998. Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah. (dlm) *Pendidikan di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Abu Ghuddah, Abdul Fatah. 2001. *Rasul muallim waasalibuhu fi ta'lim*. Kاهره: Maktabah Islamiah Halab.
- Abu Saleh, Muhibuddin Ahmad. 1988. *Asasiyat fi turuq tadrīs al-ammah*. Riyadh: Dar al-Huda. Ahmad Mohd Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Buti, Said Ramadhan. 1991. *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. t.th. *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Kaylani, Taisir dan Iyad, Mulhim. 1986. *At-taujih al-Fanny fi Usulat-Tarbiyah wa Tadrīs*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Khilwati, Isma'il Haqqi ibn Mustafa al-Istanbuli al-Hanafi. T.T. Tafsir Ruh al-Bayan. Jld. 1-10. Beirut: Dar al-Nasr.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman. 1988. *Usul al-tarbiyah al-Islamiyah wa asalibuha*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Nashmy, Ajil Jasim. 1980. *Ma'alim fi Tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Manar.
- Al-Saboony, Mohd Ali. 1985. *At-Tibyan fi Ulum al-Quran*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Sadan, Ibrahim. A. 1999. The pedagogy of the prophet. *Muslim Education Quarterly*. Vol 16(2).
- The Islamic Academy, Cambridge. United Kingdom. As'ad Humam. 1999. *Ilmu tajwid dalam penerapan baca al-Quran*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Azizah Lebai Nordin. 1999. Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti

- Pendidikan Universiti Malaya. Jil. 22, 173-183.
- Azman Wan Chik. 1986. *Kaedah hayati amali: satu pendekatan mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Dill, D. D. 1990. What teachers need to know: the knowledge, skills and values essential to good *teaching*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Ibn Khaldun. 2000. *Muqadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Abbas. 1985. *Memahami tajwid dan tartil al-Quran*. Kuala Lumpur: Sri Kota.
- Jabir, Walid. 1991. *Asalib tadrīs lughah al-arabiyah*. Amman: Darul Fikr
- Jamaludin Ridhuan. 2000. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Kamarudin Husin. 1995. *Perkaedahan mengajar bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kubiszyn, T dan Borich, G. 1996. Educational testing and measurement. New York: Harper Collins College Publishers.
- M. Abdel Haleem. 2002. The prophet Muhammad as a teacher: Implications for hadith literature. *The Islamic Quarterly* XL 6(2): 121-137
- Mohd Iqbal. 2005. *Kaedah pembelajaran al-Quran*. Jakarta: Gunung Agung.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Muhd Mukri Abdullah. 1994. Kaedah Iqra' dalam Asuhan Tilawah al-Quran. *Kertas Kerja Seminar Nasyid Peringkat Kebangsaan Kali ke 2*. Kuala Lumpur. Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim dan Mohd
- Zohir Ahmad. 2005. *Pedagogi: Strategi dan Teknik mengajar dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Salim, Abdul Rashid Abdul Aziz. 1982. *Turuq tadrīs at-tarbiyah Islamiyah*. Al-Kuweit: Wakalah Matbu'at.
- Sharifah Alwiah Alsagof. 1984. *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Sulaiman Ngah Razali. 1997. *Pedagogi Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tickle, L. 2000. *Teacher Induction: The way ahead*. Buckingham. Open University Press.
- Wan Bakar Wan Dagang. 1990. Pengajaran dan pendidikan al-Quran dalam kurikulum baru sekolah rendah (KBSR). *Jurnal Pendidikan Islam*.

SEJARAH, KAEDAH, SERTA MODEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN*

Dr. Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia

P. Madya DR. Mohd Aderi Che Noh

Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

Artikel ini akan membincangkan tiga perkara penting, iaitu sejarah ringkas perkembangan pendidikan Islam zaman awal ketika zaman Nabi s.a.w., sahabat, dan tabi'in. Sejarah perkembangan juga menyentuh kepada sejarah perkembangan kaedah pembacaan al-Quran di Malaysia. Bahagian kedua pula menyentuh kepada kaedah berkesan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bahagian ketiga ialah model pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

SEJARAH PERKEMBANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN

Menyentuh tentang sejarah ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa bahagian iaitu, pengajaran al-Quran pada zaman Rasulullah s.a.w., pengajaran al-Quran pada zaman sahabat, dan sejarah kaedah tilawah al-Quran di Malaysia.

Pengajaran al-Quran Pada Zaman Rasulullah

Sejarah pengajaran al-Quran menurut al-Buti (1991) dan Mohd Yusuf (2000) bermula ketika Nabi Muhammad s.a.w sedang beribadat di Gua Hira'. Baginda dilantik menjadi pesuruh Allah S.W.T. secara rasmi dengan turunnya ayat al-Quran yang pertama. Dengan perutusan kenabian ini, maka bermulalah pendidikan yang bersumberkan ew Bacaan yang diajar oleh Jibrail a.s dan dibaca oleh Rasulullah s.a.w bukan semata-mata bacaan, tetapi ia dilakukan untuk diikuti dan difahami sehinggakan Rasulullah s.a.w apabila diturunkan wahyu kepadanya, Baginda tidak henti-henti menggerakkan lidah dan bibirnya sehingga Allah S.W.T. melarangnya berbuat demikian. Allah S.W.T. memberi jaminan kepada rasul-Nya berkaitan amalan menghafal al-Quran dan membetulkan bacaan rasul-Nya. Hal ini jelas daripada firman Allah S.W.T.:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ (١٦) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ ۚ (١٧) فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَالْتَبِعْ قُرْءَانَهُ ۚ (١٨) ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيِّنَاتَهُ ۚ (١٩)

Maksud: *Janganlah Engkau (Wahai Muhammad) (kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilahyang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan*

Kertas kerja pertama ini dibentangkan dalam Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI pada 28-29 Oktober 2013 bertempat di Dewan Syarahan, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur.

bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, Dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; Kemudian, Sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan).

(Surah *al-Qiamah*, 75: 16-19)

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan bimbingan Allah S.W.T. kepada rasul-Nya tentang kaedah mempelajari al-Quran melalui malaikat Jibrail a.s. Dalam kaedah pengajaran al-Quran pada peringkat awal ini, Jibrail a.s sebagai guru, membaca kepada Nabi s.a.w dan Baginda diminta supaya mendengar dan memerhatikan bacaan Jibrail a.s. Rasulullah s.a.w semasa melalui proses bacaan al-Quran ini Baginda tidak tergopoh-gapah dalam bacaan dan hanya mengikuti bacaan al-Quran apabila malaikat Jibrail a.s selesai membacanya. Proses ini berlaku apabila keadaan sebelumnya Rasulullah s.a.w tergopoh-gapah dalam bacaan akibat tekanan suasana yang cemas kerana pengalaman yang baru dihadapi dengan kedatangan malaikat Jibrail a.s (al-Buti, 1991).

Rasulullah s.a.w dalam mempelajari al-Quran amat memerlukan pertolongan Allah S.W.T. kerana sebenarnya dalam mempelajari al-Quran berbeza dengan mempelajari sesuatu yang lain. Allah S.W.T. telah memberi jaminan kepada rasul-Nya bahawa al-Quran yang dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w tidak akan dilupai selama-lamanya. Dengan jaminan ini, maka setiap kali Jibrail a.s datang membawa wahyu kepada Rasulullah s.a.w, Baginda mendengarnya dengan penuh perhatian dan apabila Jibrail a.s selesai, Nabi membacanya sebagaimana Jibrail a.s membacanya.

Nabi Muhammad s.a.w memulakan pengajaran al-Quran di rumah Baginda dan rumah al- Arqam bin Abi Arqam dalam usaha membentuk peribadi para sahabat. Pengajaran al-Quran ini seterusnya berkembang ke Madinah dengan adanya rombongan dari Madinah yang datang berjumpa Rasulullah s.a.w dan beriman kepada Baginda yang seterusnya memperkembangkan ajaran al-Quran di sana. Setelah Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah, pengajaran al-Quran berterusan di rumah Baginda dan seterusnya di Masjid Nabawi. Ramai di kalangan para sahabat yang berguru secara langsung dengan Rasulullah s.a.w. Mereka mempelajari al-Quran secara hafalan daripada Rasulullah s.a.w hingga lahirlah kumpulan *huffaz* yang terkenal, antaranya Abu Bakar, Uthman, Ali Ibn Mas'ud, A'ishah dan Hafsa (al-Buti, 1991). Tegasnya pada peringkat ini para sahabat masih meneruskan kaedah yang dilalui oleh Rasulullah s.a.w dengan Jibrail dalam pendidikan al-Quran. Melalui kaedah hafalan ini telah berjaya melahirkan ramai mereka yang mampu membaca dan menghafal al-Quran. Secara ringkas terdapat empat langkah pengajaran al-Quran di zaman Rasulullah s.a.w iaitu:

- (1) Membaca al-Quran dengan betul. Rasulullah s.a.w membaca al-Quran secara *talaqi-musyafah* dengan malaikat Jibrail a.s. Maka dengan cara inilah juga Baginda s.a.w mengajarkannya kepada para sahabat.
- (2) Menerangkan maksud. Hal ini bertujuan untuk memahami apa yang terkandung di sebalik ayat al-Quran yang dibaca.
- (3) Menghafaz. Selain ayat-ayat al-Quran ditulis di pelepah-pelepah tamar, tulang dan kulit terdapat juga para sahabat yang menghafal ayat al-Quran.
- (4) Mengamalkan ajaran al-Quran berdasarkan ajaran yang difahami daripada ayat-ayat yang dihafal.

Berdasarkan perbincangan tentang pengajaran al-Quran di zaman Rasulullah s.a.w, jelas memperlihatkan usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan dilakukan untuk memastikan kelangsungan dalam pengajaran al-Quran.

Pengajaran al-Quran Pada Zaman Sahabat

Kaedah pengajaran al-Quran secara hafalan diteruskan lagi pada zaman sahabat untuk menjamin agar al-Quran berkekalan. Al-Quran yang dipelajari oleh para sahabat telah berjaya melahirkan ramai para *huffaz*. Para sahabat menggunakan kaedah hafalan bukan sahaja terhadap kepada pendidikan al-Quran, malah pendidikan hadis dan ilmu-ilmu juga terikut dengan cara yang sama. Oleh itu, kaedah hafalan adalah merupakan satu kaedah yang penting dalam mempelajari al-Quran pada zaman sahabat. Kaedah ini telah berjaya melahirkan golongan sahabat yang menjiwai al-Quran sepanjang hayat mereka.

Tegasnya, pengajaran al-Quran dimulai dengan cara para guru memperdengarkan bacaan surah-surah pendek dan pelajar mengulanginya beberapa kali bersama guru sehingga terlekat dalam ingatan. Proses ulangan, hafalan dan ingatan ini sangat sesuai lebih-lebih lagi pada peringkat kanak-kanak kerana ia dapat menanam benih ketakwaan dan keikhlasan pada diri mereka (Ibnu Khaldun, 2000). Kaedah pengajaran al-Quran secara hafalan kepada kanak-kanak yang bermula pada usia muda ini berjalan di semua *kuttub* di bawah pemerintahan Kerajaan Islam. Pemerintah memberi penekanan terhadap kepentingan ilmu pengetahuan. Hal ini terbukti pada zaman Khalifah Harun al-Rashid sistem pendidikan diperkembangkan, di mana pendidikan awal kanak-kanak diberi perhatian. Bangunan sekolah yang disambungkan dengan bangunan masjid menjadi tempat belajar bagi kanak-kanak yang telah mencapai usia lima tahun. Al-Quran menjadi bahan asas dalam segala ilmu yang diajar (Ahmad, 1997).

Al-Saboony (1985) dan Ahmad (1997) menyatakan bahawa bacaan al-Quran berbeza antara sesebuah negeri dengan negeri lain. Hal ini kerana mengikut guru yang dihantar ke negeri tersebut. Para sahabat mengambil bacaan al-Quran daripada Rasulullah s.a.w berasaskan tujuh jenis bacaan. Walaupun begitu proses pengajaran al-Quran di satu-satu negeri seperti Sham, Iraq dan Kufah adalah berbeza cara bacaan mengikut guru yang mengajar. Contohnya di Sham gurunya adalah Ubai bin Ka'ab, di Kufah gurunya adalah Abdullah bin Mas'ud. Demikianlah berterusannya proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran selepas kewafatan Rasulullah s.a.w hinggalah Islam datang ke Tanah Melayu pada abad ke 15 (Ahmad, 1997), pengajaran dan pembelajaran al-Quran mula tersebar di Tanah Melayu.

Sejarah Kaedah Tilawah al-Quran di Malaysia

Selain daripada sejarah pengajaran al-Quran di Malaysia, kaedah tilawah al-Quran yang asas untuk kanak-kanak mengenal huruf al-Quran juga mengalami evolusi perkembangan. Secara umumnya terdapat dua kaedah tilawah al-Quran yang pernah diperkenalkan di Malaysia, iaitu kaedah Baghdadiyyah dan kaedah Iqra'.

Kaedah Baghdadiyyah

Pengajaran al-Quran melalui kaedah Baghdadiyyah adalah berdasarkan buku Muqaddam yang bermatlamatkan kepada pembinaan kemampuan untuk membaca al-Quran. Kaedah ini telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Melayu Islam tradisional. Buku Muqaddam yang digunakan bagi menjalankan kaedah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama diperkenalkan huruf *hija'iyah*, huruf-huruf bersambung dan berbaris. Bahagian kedua ialah susunan ayat-ayat al-Quran juzuk ke-30.

Pengajaran yang berpandukan kaedah Baghdadiyyah dimulai dengan mengenal huruf-huruf *hija'iyah*, diikuti dengan huruf bersambung dan berbaris. Apabila selesai mengenal kedua-dua bentuk huruf ini, barulah dipindahkan membaca al-Quran. Ianya bermula dari surah al-Fatihah, surah an-Nas sehingga surah an-Naba'. Pembelajaran al-Quran melalui kaedah ini ada tiga peringkat, iaitu:

- (1) Peringkat pertama ialah pembacaan secara umum. Pada peringkat ini guru ditugaskan mengajar cara membaca al-Quran dengan betul serta memberi penekanan kepada tajwid. Kemampuan membaca juga dibina berdasarkan asas yang telah dibina dalam mengenal huruf dan baris.
- (2) Peringkat kedua ialah bacaan ulangan yang lebih menekankan kepada pembacaan secara kaedah tajwid dan sebutan yang lebih baik dan mantap.
- (3) Peringkat ketiga pula ialah pembacaan secara berirama dan berlagu.

Walaupun kaedah ini telah melahirkan ramai masyarakat Melayu Islam yang boleh membaca al-Quran dengan baik, namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan tersendiri, iaitu:

- (1) Kaedah mengenal huruh *hija'iyah*, huruf bersambung dan berbaris yang terdapat dalam buku Muqaddam agak ketinggalan dan tidak sesuai dengan kaedah mempelajari bahasa untuk masa sekarang.
- (2) Kaedah ini hanya menekankan satu aspek sahaja dari al-Quran iaitu membaca, sedangkan aspek penulisan, hafalan dan kefahaman tidak diambil kira.
- (3) Susunan ayat-ayat al-Quran yang songsang boleh mengelirukan pelajar di peringkat permulaan serta melahirkan anggapan susunan al-Quran sememangnya begitu. Secara tidak langsung ini boleh memberi kesan kepada penyusunan bacaan dalam sembahyang.
- (4) Keempat, kemampuan pelajar dalam membaca terbatas kepada jenis al-Quran yang biasa digunakan sahaja dan agak susah membaca jika diberikan al-Quran yang tidak biasa dengannya.

Keempat-empat kelemahan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kanak-kanak yang mempelajari al-Quran.

Kaedah Iqra'

Seterusnya muncul pula kaedah baru seperti kaedah Iqra' yang berasal dari Indonesia dan diasaskan oleh Ustaz H. As'ad Humam. Beliau adalah salah seorang pengasas Team Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musalla dan ahli Lembaga Pengembangan Tilawah Quran Peringkat Kebangsaan di Yogyakarta, Indonesia. Kebolehan beliau dalam mengajar membaca al-Quran dengan menggunakan pelbagai kaedah bermula sejak 1950 lagi. Berdasarkan kaedah pembelajaran al-Quran yang selama ini digunakan masih banyak kelemahan dan kurang berkesan serta di atas permintaan ramai, maka beliau menyusun buku IQRA' (Cara Cepat Membaca al-Quran). Kaedah Iqra' disusun secara lengkap, sempurna serta bersepadu dengan huruf yang seimbang. Ia dimulai dengan pembelajaran asas, dengan rangkaian huruf-huruf hinggalah ke peringkat suatu ayat yang bermakna. Kaedah Iqra' ini terkandung dalam 6 jilid dan dapat membantu pelbagai peringkat umur dalam mempelajari al-Quran. Perkara penting dalam kaedah Iqra' ini ialah latih tubi sebutan huruf dan ayat agar kemahiran membaca al-Quran dapat dikuasai.

Perlaksanaan kaedah Iqra' ini di sekolah-sekolah menurut Muhd Mukri (1994) kerana: Pertama, pengajaran dan pembelajaran guru dalam tilawah al-Quran tidak menggunakan kaedah tertentu. Kaedah yang digunakan hanya warisan generasi terdahulu atau kaedah Baghdadiyah. Kedua, kaedah Baghdadiyah yang digunakan memakan masa kerana guru memperkenalkan huruf, baris, mengeja dan menyebutnya. Ketiga, pelajar menghadapi masalah mengenal, mengeja dan menyebut huruf-huruf kerana tidak mempunyai kemahiran tersebut. Keempat, kaedah Iqra' merupakan satu daripada beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bukan sukatan pelajaran serta tidak merubah sukatan pelajaran. Kelima, berdasarkan percubaan yang dijalankan didapati pelajar boleh menguasai dengan cepat dan berkesan dalam bacaan al-Quran. Keenam, pelajar yang mengikuti kaedah ini di Indonesia telah mampu menguasai pembacaan al-Quran.

Menurut Muhd Mukri (1994) lagi, antara ciri-ciri yang terdapat dalam kaedah Iqra' ialah pertama, bacaan terus (tanpa dianalisis dan dieja). Pelajar tidak diperkenalkan terlebih dahulu nama-nama huruf *hijaiyyah* dan tanda-tanda bacaan, tetapi terus diperkenalkan bagi satu-satu huruf dengan menggunakan pengajaran. Kedua, penggunaan teks tertentu. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan satu set buku yang mengandungi enam naskhah. Pelajar menggunakan tahap-tahapnya bermula dari buku pertama. Ketiga, teknik pengajaran Cara Belajar Pelajar Aktif (CBMA). Pengajaran dimulakan dengan cara guru menerangkan pengajaran beberapa kali dan apabila pelajar sudah jelas, maka pelajar disuruh membaca sendiri. Keempat, *talaqqi musyafahah*. Semasa mempelajari al-Quran pelajar mesti berdepan secara langsung dengan gurunya, agar pelajar mengetahui dengan tepat bagaimana *makbraj* dan sifat-sifat huruf yang sebenar. Kelima, tahap berdasarkan kecekapan individu. Tahap pencapaian pelajar dalam bacaan adalah bergantung kepada kecekapan individu dan peranan yang diusahakan oleh gurunya. Keenam, praktis. Tujuan kaedah Iqra' dibentuk supaya pelajar dapat membaca al-Quran dengan cepat dan mudah. Manakala ilmu tajwid hanya akan diajar setelah pelajar berupaya untuk *bertadarus* al-Quran. Istilah tajwid tidak diajar dalam kaedah Iqra', tetapi ketepatan sebutan *makbraj* ditekankan semasa pembacaan. Ketujuh, sistematik. Bahan pengajaran disusun lengkap, terancang dan terarah dari pelajaran asas dan sederhana hinggalah ke tahap satu kalimah yang bermakna.

METODOLOGI DALAM TILAWAH AL-QURAN

Memandangkan pengajaran Tilawah al-Quran melibatkan pengajaran kemahiran, maka berdasarkan Rohizani et al. (2005), mengajar kemahiran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan pelajar. Oleh itu keberkesanan dalam menyampaikan sesuatu isi pelajaran banyak bergantung kepada Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) yang dimiliki guru (Tickle, 2000). Di samping itu juga, dalam usaha untuk mewujudkan pengajaran berkesan, guru perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran dan peka terhadap gaya pembelajaran pelajar serta strategi pengajaran dan pembelajaran (Azizah, 1999).

Merujuk kepada amalan pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran yang berkesan, maka guru Pendidikan Islam juga perlu jelas dari segi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan semasa mengajar Tilawah al-Quran. Menurut Abdul Raof (1998) gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Selain itu, pentaksiran juga diperlukan bagi membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan ketika sebelum, ketika, dan selepas pengajaran dan pembelajaran agar guru mengetahui tahap pencapaian yang mereka capai. Seterusnya pengajaran berkesan juga berkait rapat dengan keperibadian guru apatah lagi jika berkaitan dengan pengajaran anak-anak yang kecil (Kamarul Azmi 2010).

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran

Berkaitan strategi pengajaran, menurut Ibnu Khaldun (2000), guru hendaklah memastikan setiap isi pengajaran dan masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran diselesaikan dahulu sebelum berpindah ke topik lain. Berdasarkan strategi pengajaran yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun ini, dapat membantu pelajar dalam pembelajaran yang berkesan. Oleh itu dalam pengajaran Tilawah al-Quran, guru hendaklah memastikan pelajar benar-benar dapat menguasai isi pelajaran yang diterangkan oleh guru, agar pelajar tidak berterusan gagal menguasai kemahiran bacaan al-Quran dengan sepenuhnya. Setelah guru yakin pelajar telah berjaya menguasai kemahiran bacaan al-Quran yang diajar, barulah guru berpindah ke tajuk pengajaran yang seterusnya.

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran

Manakala pendekatan yang digunakan untuk mengajar adalah pelbagai, misalnya daripada konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada bahagian, daripada umum kepada

khusus, daripada spesifik kepada umum, daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui (Ab. Halim *et.al.*, 2006). Kesesuaian pendekatan pengajaran berkait rapat dengan jenis pelajar dan jenis pengajaran guru (Ahmad, 1997 dan Sulaiman Ngah, 1997). Oleh itu untuk amalan pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran yang berkesan, guru Pendidikan Islam hendaklah memilih pendekatan yang sesuai. Hal ini kerana tidak ada satu pendekatan yang dianggap terbaik untuk satu-satu mata pelajaran bagi semua pelajar dalam semua keadaan. Antara pendekatan dalam pengajaran Tilawah al-Quran ialah pendekatan induktif (Ahmad, 1997), di mana para guru mengemukakan contoh bacaan al-Quran mengikut sesuatu hukum tajwid dan seterusnya pelajar mengaplikasikan contoh bacaan guru dalam bacaan al-Quran yang dibaca.

Kaedah pengajaran dan Pembelajaran al-Quran

Berkaitan kaedah pengajaran, menurut Mohd Yusuf (2000), Ahmad (1997), Sharifah (1984) dan Hasan (1981) berpendapat kaedah ialah satu siri tindakan yang sistematik yang bertujuan untuk mencapai objektif pelajaran dengan langkah dan penyampaian yang tersusun. Antara kaedah yang digunakan semasa pengajaran Tilawah al-Quran ialah *talaqi* dan *musyafahah* (Mohd Yusuf, 2000). Tegasnya, apa saja cara yang guru Pendidikan Islam lakukan untuk memberi faham kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran Tilawah al-Quran, maka ia adalah kaedah.

Al-Kailany *et.al.* (1986) memperincikan panduan kepada guru sebelum mengaplikasi sesuatu kaedah pengajaran, antaranya ialah kaedah mestilah sesuai dengan tujuan dan matlamat mata pelajaran yang diajar, kaedah hendaklah sesuai dengan tabiat (*nature*) pelajaran yang diajar, kaedah mestilah sepadan dan setara dengan umur pelajar, kaedah mestilah mampu dilaksanakan oleh guru, masa yang mencukupi untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan dan kaedah yang dipilih mestilah sesuai dengan kemudahan yang ada. Al-Nashmy (1980) mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini pelajar akan memberi tumpuan dan dapat mengingat pelajaran dengan cepat dan bertahan lebih lama.

Ishak (1985) dan Abdul Qadir (1998) mengemukakan berkaitan kaedah pengajaran bacaan al- Quran yang berkesan iaitu berdasarkan empat kaedah berikut:


- (1) *Al-Tahqiq*, iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh-gapah yang bertujuan untuk mengajar dan menghayati kandungan dan hukum-hukum bacaan al-Quran.
- (2) *Al-Tartil* iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh-gapah dan bukan untuk tujuan mengajar. Bacaan ini dilakukan untuk menghayati kandungan al-Quran.
- (3) *Al-Tadmir* iaitu bacaan yang sederhana dan tidak terlalu cepat serta mengawasi hukum tajwid.
- (4) *Al-Hadar* iaitu bacaan cepat serta mengawasi segala hukum tajwid.

Walau bagaimanapun kaedah pengajaran bacaan Tilawah al-Quran hendaklah memberi penekanan kepada kesalahan bacaan al-Quran (Abduk Qadir, 1998) yang terdiri dari kesalahan *lahnu jali* dan *lahnu kbafi*.

Teknik Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran

Manakala teknik menurut Ahmad (1997) ialah kemahiran dan perlakuan guru dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Teknik adalah unit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah. Contohnya teknik dalam pengajaran guru ialah teknik tunjuk cara, teknik menghafal dan latih tubi, teknik bersoal jawab dan teknik bersyarah. Dengan pelbagai teknik

pengajaran ini, guru dapat menggunakannya dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Oleh itu, guru Pendidikan Islam hendaklah mengambil kira teknik pengajaran yang sesuai agar wujudnya pengajaran berkesan dan pembelajaran berkualiti. Manakala Azman (1986) mengatakan teknik ialah apa yang dilihat dalam bilik darjah. Sekiranya guru mengajar Bahasa dengan menggunakan alat-alat komunikasi yang canggih dalam makmal bahasa, maka ia satu teknik. Begitu juga sekiranya seorang guru Pendidikan Islam mengajar Tilawah al-Quran dengan menggunakan perisian komputer untuk memperdengarkan bacaan, maka ia dikatakan teknik.



Rajah 2.1 Kesepaduan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik

Kesimpulannya kesepaduan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan meningkatkan lagi kualiti proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran. Kesepaduan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam menjayakan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan diilustrasi dan dijelaskan dalam Rajah 2.1. Berdasarkan Rajah 2.1 ini, jelas menunjukkan hasil kesepaduan antara keempat-empat elemen adalah penting dalam menentukan pengajaran Tilawah al-Quran berkesan.

Pentaksiran dalam Tilawah al-Quran

Selain metodologi, pentaksiran juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kubiszyn dan Borich (1996), penekanan kepada guru berkaitan amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan, bahawa dalam amalan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah hendaklah juga berasaskan kepada pentaksiran pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran merujuk kepada amalan guru dalam usaha untuk memastikan pengajaran yang dilakukan adalah berkesan dengan cara guru membuat penilaian terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran yang mereka praktikkan. Secara terperinci pentaksiran pengajaran dan pembelajaran melibatkan beberapa peringkat, iaitu:

- (1) Sebelum pengajaran. Hal ini dilakukan dengan mengenal pasti tahap pelajar dari segi kognitif, sikap, minat dan perancangan amalan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.
- (2) Semasa pengajaran. Guru bersedia dengan soalan yang sesuai kepada pelajar, fokus pelajar yang tepat dan kesesuaian masa untuk mengakhiri pengajaran.
- (3) Selepas pengajaran iaitu dengan mengenal pasti sejauh mana tahap penguasaan ilmu pelajar dan kesesuaian strategi pengajaran selanjutnya.

Pengetahuan guru tentang pencapaian pelajar dalam ketiga-tiga peringkat pentaksiran sedikit sebanyak membantu guru dalam mencorakkan perancangan pengajaran dan pembelajaran seterusnya. Jika pencapaian pengajaran dan pembelajaran tercapai, guru boleh bersedia untuk merancang kemahiran dan

pengetahuan baru buat pelajar. Sebaliknya, jika objektif pengajaran dan pembelajaran tidak tercapai, sekali lagi guru boleh merancang kaedah yang lebih sesuai untuk para pelajar terbabit.

Sifat Keperibadian

Amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan juga berkait rapat dengan sifat dan ciri-ciri yang dimiliki oleh seorang guru. Al-Nahlawi (1988) menyenaraikan sifat-sifat dan ciri-ciri guru berteraskan ajaran Islam, iaitu:

- (1) Hendaklah segala tujuan, tingkah laku dan pemikirannya bersifat *Rabbani*, iaitu sentiasa didasari dengan tuntutan Islam.
- (2) Seorang yang ikhlas, iaitu segala usaha yang dilakukan adalah bertujuan untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T.
- (3) Sentiasa bersabar dalam melaksanakan tanggungjawab jawatan dan tugasnya.
- (4) Hendaklah jujur dengan apa yang disampaikan. Antara tanda sifat kejujuran itu ialah guru melaksanakan apa yang diajar.
- (5) Hendaklah sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan serta berbincang mengenainya.
- (6) Berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan teliti dalam pelaksanaan.
- (7) Mampu mengawal dan menguasai pelajar dengan cara yang baik serta tegas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- (8) Mengambil tahu tahap kebolehan pelajar yang diajar bagi memastikan kaedah yang betul dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- (9) Peka dengan perkembangan semasa dan pengaruhnya terhadap perkembangan pelajar, agar pendekatan terbaik dapat digunakan dalam menangani masalah pengajaran dan pembelajaran.
- (10) Bersifat adil terhadap pelajar dengan tidak menunjukkan kecenderungan ketara terhadap golongan pelajar tertentu.

Seterusnya al-Kailany (1986) menegaskan guru harus pandai menyesuaikan diri, gaya bercakap, bercerita, menegur, membaca dan sebagainya mengikut tahap umur pelajar. Hal ini bertepatan dengan ajaran Nabi Muhammad s.a.w "kami disuruh bercakap dengan orang ramai mengikut perkembangan akal fikiran mereka" (al-Khilwati, t.t.: 209/7).

Selanjutnya, Imam al-Ghazali (t.t.), berpen dapat guru haruslah mempunyai sikap yang baik supaya pengajarannya mendatangkan kesan yang baik kepada pelajar. Antaranya ialah:

- (1) Sayang kepada pelajar sepertimana mereka sayangkan anak sendiri.
- (2) Ikhlas menyampaikan ilmu kepada pelajarnya, kerana pengajaran adalah tuntutan dalam agama.
- (3) Selalu menasihati pelajar agar mengamalkan akhlak yang baik dan menjauhi larangan Allah S.W.T.
- (4) Menjauhi perbuatan yang buruk atau akhlak yang jahat.
- (5) Janganlah menghina guru lain, lebih-lebih lagi di hadapan pelajar.
- (6) Pandai menyesuaikan diri dengan tahap umur pelajarnya.
- (7) Bramal dengan ilmu.

Manakala Dill (1990) berpendapat bahawa untuk menjadi seorang guru yang terbaik dari segi sikap, guru haruslah mempunyai lima ciri, iaitu:

- (1) Mempunyai kemahiran asas yang tinggi sebagai keperluan semasa pengajaran.
- (2) Menguasai kepakaran dalam disiplin ilmu,

- (3) Pandai mengaitkan ilmu dan pengalaman yang dimiliki untuk digunakan semasa proses pengajaran.
- (4) Sentiasa peka dalam menilai pencapaian pelajar untuk tujuan pembaikan pengajaran.
- (5) Mempunyai sifat ikhlas dan berautoriti dalam ilmu yang disampaikan.

Secara ringkasnya amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan guru Pendidikan Islam bagi pengajaran Tilawah al-Quran ialah melibatkan peranan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *murshid* dan *mudarris* (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007). Berdasarkan peranan ini, guru Pendidikan Islam bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu Tilawah al- Quran semata-mata, malah untuk membentuk pelajar sebagai persediaan kepada kehidupan seterusnya. Berdasarkan perbincangan di atas juga, jelas menerangkan betapa pentingnya gabungan ciri-ciri pengajaran yang efektif dan sifat-sifat guru Pendidikan Islam yang efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru Pendidikan Islam merupakan komponen yang amat penting dalam pelaksanaan pengajaran berkesan. Dalam kajian ini, pengkaji seterusnya turut mengambil kira model-model pengajaran agar dapat diaplikasikan untuk tujuan pengajaran khususnya pengajaran Tilawah al-Quran.

MODEL ILMUAN ISLAM DAN SARJANA ISLAM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN

Bahagian ketiga daripada perbincangan menyentuh kepada model ilmuan Islam dan sarjana Islam dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Model Pengajaran dan Pembelajaran Ilmuan Islam

Terdapat beberapa model pengajaran dan pembelajaran ilmuan Islam dalam tilawah al-Quran, iaitu model Rasulullah s.a.w., model al-Ghazali, Model Ibnu Khaldun, Model Abu Hanifah, dan model al-Shatibi.

Model Rasulullah s.a.w.

Dalam bahagian ini, perbincangan difokuskan kepada model pengajaran dan pembelajaran yang disandarkan kepada beberapa orang tokoh Islam. Ahmad (1997), al-Sadan (1999), Mohd Yusuf (2000), Abu Ghuddah (2001) dan M. Abdel (2002) menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w adalah sebagai tokoh guru yang hebat menggunakan pelbagai pendekatan dalam mengajar dan mendidik para sahabat. Baginda menggunakan kaedah pengajaran yang berbagai-bagai untuk disesuaikan dengan kepelbagaian jenis pelajar iaitu para sahabat r.a. Antaranya ialah kaedah sentuhan, kaedah soal jawab, kaedah perbandingan, kaedah penceritaan, kaedah beransur-ansur, kaedah memuji-muji bagi memberi galakan dan pelbagai lagi kaedah yang sesuai dengan ajaran Islam.

Model al-Ghazali

Ahmad (1997) menjelaskan bahawa model pengajaran dan pembelajaran yang dijadikan sandaran dalam bidang pendidikan, khususnya dalam pendidikan Islam ialah model pengajaran dan pembelajaran Imam al-Ghazali. Model pengajaran dan pembelajaran ini memberi penekanan kepada kaedah perbandingan, kaedah *halaqah*, kaedah bimbingan dan kaedah perbincangan sebagai teras dalam model pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan model pengajaran dan pembelajaran Imam al- Ghazali ini maka dapat dijadikan asas dalam usaha untuk mendalami ilmu pengetahuan. Oleh itu dalam pengajaran Tilawah al-Quran, antaranya guru Pendidikan Islam dapat membandingkan pelbagai *makebraj* huruf semasa mengajar. Dengan cara ini dapat membantu pelajar agar dapat menyebut sebutan potongan ayat al-Quran dengan menepati hukum tajwid.

Model Ibnu Khaldun

Model pengajaran dan pembelajaran Ibnu Khaldun pula, an-Na'miy (1994) melaporkan bahawa model ini memberi tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu menyelesaikan sesuatu topik, pemeringkatan isi pelajaran dan objektif pengajaran. Berdasarkan model pengajaran dan pembelajaran Ibn Khaldun, guru perlu memastikan sesuatu topik difahami dengan baik oleh pelajar sebelum berpindah ke topik yang baru. Oleh itu, semasa pengajaran Tilawah al-Quran, guru perlu prihatin terhadap kefahaman pelajar tentang topik yang diajar berkaitan Tilawah al-Quran agar tidak timbul kecelaruan pelajar dalam memahami pelajaran yang diajar. Berdasarkan model pengajaran dan pembelajaran Ibn Khaldun juga, beliau menekankan pengajaran yang mengambil kira penggunaan teknik pengajaran yang menitikberatkan kebolehan pelajar. Dengan cara ini kelemahan dan ketidakmampuan pelajar dalam penguasaan sesuatu kemahiran ilmu dapat diatasi. Demikianlah juga dalam pengajaran Tilawah al-Quran, teknik yang guru Pendidikan Islam gunakan semasa mengajar hendaklah bertepatan dan sesuai dengan tahap kebolehan pelajar dalam bilik darjah.

Model Abu Hanifah

Perbincangan seterusnya ialah model pengajaran dan pembelajaran Imam Abu Hanifah. Menurut Ahmad (1997) model pengajaran dan pembelajaran Imam Abu Hanifah meliputi kaedah nasihat, syarahan, contoh tauladan dan latihan. Pelajar akan diajar sesuatu topik dalam sehari dan guru akan memberi peringatan kepada pelajar dan memastikan pelajar betul-betul memahami topik yang telah dipelajari. Di samping itu juga pelajar dikehendaki menyiapkan latihan berkaitan pembelajaran dan perlu diselesaikan oleh mereka. Guru tidak akan beralih ke topik lain melainkan pelajar telah betul-betul memahami topik yang telah dipelajari.

Tegasnya, berdasarkan model pengajaran dan pembelajaran Imam Abu Hanifah, pemeringkatan pengajaran amat ditekankan dalam proses pengajaran. Di samping itu juga, Imam Abu Hanifah mengambil berat tentang kepelbagaian kaedah pengajaran untuk memastikan pelajar dapat memahami sesuatu pelajaran dengan berkesan. Hal ini turut ditegaskan oleh al-Syaibani (1991) bahawa kaedah pengajaran adalah fleksibel dan tidak terhad.

Model al-Shatibi

Model pengajaran dan pembelajaran berikutnya ialah model pengajaran dan pembelajaran Imam al-Shatibi. Berdasarkan model ini, al-Qardhawi (2004) menjelaskan bahawa Imam al-Shatibi menitikberatkan kaedah *talaqi musyafahah*. Berdasarkan kaedah ini, pelajar akan memahami ilmu secara langsung dari guru. Hal ini bagi mengelak masalah salah faham terhadap sesuatu ilmu. Tegasnya, Imam al-Shatibi menitikberatkan kefahaman yang tepat dalam usaha mencari ilmu, Oleh itu kaedah *talaqi musyafahah* amat ditekankan dalam model pengajaran dan pembelajaran Imam al-Shatibi.

Model pengajaran dan Pembelajaran sarjana Islam

Model-model pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran adalah untuk memudahkan para guru memilih dan menyesuaikan dengan suasana pelajar dan persekitaran pembelajaran. Hal ini bertujuan untuk memantapkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran. Terdapat beberapa model yang telah dikenal pasti antaranya ialah:

Model Salim, Ahmad dan Abu Salleh

Model Salim ialah model pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran yang berkait dengan model pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Salim (1982) dalam membincangkan model Tilawah al-Quran dimulakan dengan langkah pengenalan, bentang ayat, bacaan guru, bacaan pelajar, latihan dalam kumpulan,

mendengar kaset, memberi makna keseluruhan, perbincangan, pengajaran ayat, bacaan pelajar dan penilaian.

Manakala Ahmad (1985) menggariskan model pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran yang bermula dengan bentang ayat, pengenalan, bacaan guru, penjelasan ringkas, bacaan pelajar, bacaan guru kali kedua dan perbincangan.

Seterusnya model dari Abu Saleh (1988) agak lebih ringkas berbanding dua model yang terdahulu. Langkah-langkah dalam model ini dimulakan dengan pengenalan, bacaan contoh, bacaan senyap, beri makna, bacaan perseorangan, penilaian dan pengajaran ayat.

Model Kamarudin

Pengajaran Tilawah al-Quran melibatkan pengajaran membaca tulisan Bahasa Arab. Justeru, sekiranya dikaitkan dengan pengajaran bahasa mengikut Kamarudin (1995) mengajar membaca ialah mengajar pelajar memindahkan tulisan kepada suara. Walaupun begitu, pengajaran Tilawah al-Quran yang menjadi fokus kajian ini bukan sahaja melibatkan proses memindahkan tulisan kepada suara, malah lebih mendalam lagi, iaitu mengajar pelajar dengan berdasarkan *makhrāj* huruf, hukum tajwid, *mad* dan kelancaran bacaan.

Model Wan Bakar

Model Wan Bakar (1990) menekankan kemahiran membaca al-Quran yang baik dan cemerlang yang dapat dicapai dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang tersusun dan pembelajaran yang terancang. Guru merancang berbagai pendekatan dalam usaha untuk memastikan pelajar mampu membaca al-Quran dengan baik, lancar dan bertajwid. Antara pendekatan asas yang boleh digunakan oleh guru berdasarkan Wan Bakar ialah seperti berikut:

- (1) Pendekatan mengenal yang merangkumi mengenal huruf *hija'iyah* berasingan dan bersambung, tanda-tanda baris, lambang, tanda bacaan dan *makhrāj*. Pendekatan ini dilakukan melalui teknik sebutan dan tulisan secara berulang-ulang. Berbagai-bagai BBM boleh digunakan seperti lebaran kerja, kaset dan perisian komputer.
- (2) Pendekatan mengeja dan membunyi. Huruf *hija'iyah* yang dieja dan dibunyikan melibatkan huruf secara berasingan dan bersambung. Hal ini dilakukan setelah diperkenalkan *makhrāj* huruf, jenis *alif lam* dan tanda baris. Guru hendaklah memastikan pelajar menguasai sepenuhnya pendekatan mengeja dan membunyi ini.
- (3) Pendekatan membaca potongan ayat yang mudah. Hal ini adalah asas kepada kemahiran membaca al-Quran. Sekiranya pelajar tidak menguasai bahagian ini, ia akan menjejaskan penguasaan kemahiran membaca al-Quran pelajar secara keseluruhan. Ayat yang dibaca tidak mempunyai tanda bacaan *sukun* dan *shaddah* sebagai permulaan bacaan asas kepada pelajar.
- (4) Pendekatan menghafaz. Pendekatan menghafaz *kalimah*, ayat dan *surah-surah* yang pendek merupakan satu pendekatan untuk melancarkan pembacaan pelajar.
- (5) Pendekatan membaca mengikut hukum tajwid yang sebenar. Pembelajaran kemahiran membaca al-Quran pada peringkat asas tidak memerlukan kepada pengenalan taktik setiap hukum tajwid. Pada peringkat asas pelajar hanya perlu mempelajari al-Quran berdasarkan hukum tajwid dengan memperkenalkan cara sebutan. Contohnya bacaan secara dengung, terang, *qalqalah* dan sebagainya.
- (6) Pendekatan memahami. Kefahaman yang dimaksudkan pada peringkat ini ialah kefahaman secara menyeluruh setiap ayat atau surah yang dibaca. Hal ini bertujuan selain melatih kemahiran membaca, penekanan pendidikan agama juga diberikan kepada para pelajar berdasarkan ayat-ayat yang dibaca.

Seterusnya Wan Bakar (1990) menggariskan tiga kaedah pengajaran al-Quran yang dapat dilaksanakan semasa pengajaran dalam kelas, iaitu:

- (1) Kaedah kelas. Kaedah ini melibatkan bacaan contoh oleh guru kepada pelajar. *class teaching* dilakukan di permulaan pengajaran kemahiran membaca al-Quran. Kebaikan kaedah kelas ialah pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap apa yang disampaikan oleh guru dan dapat mencontohi bacaan guru. Walaupun begitu terdapat juga kelemahan kaedah kelas iaitu kaedah ini tidak boleh diikuti oleh golongan pelajar yang lemah. Justeru, kaedah kumpulan boleh digunakan bagi membantu golongan pelajar ini.
- (2) Kaedah Kumpulan. Tujuannya ialah untuk memahirkan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca al-Quran. Ia memerlukan seorang guru yang cekap dan mahir untuk mengelolakan kumpulan pelajar. Secara amnya terdapat tiga kumpulan pelajar dalam kelas, iaitu kumpulan yang lancar membaca al-Quran, kumpulan yang kurang lancar dan kumpulan yang lemah. Oleh itu, kaedah kumpulan amat sesuai dijalankan bila mana terdapat kepelbagaian tahap pelajar dalam penguasaan Tilawah al-Quran. Pelajar yang terdapat dalam kelas akan dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil. Guru akan memilih seorang pelajar yang mahir dan melantiknya sebagai *naqib* bagi setiap kumpulan untuk membantu guru dalam membimbing rakan sebaya yang kurang mahir. Kaedah kumpulan ini melibatkan *peer teaching* agar kemahiran Tilawah al-Quran pelajar dapat ditingkatkan. Manakala bagi kumpulan pelajar yang lemah, guru hendaklah memberi tumpuan khusus dengan menggunakan BBM yang sesuai dengan tahap kebolehan pelajar dan menarik minat belajar mereka. Pengurusan pengajaran yang cekap dan terancang akan memberi keberkesanan penggunaan kaedah kumpulan dalam pengajaran Tilawah al-Quran.
- (3) Kaedah bimbingan rakan sebaya. Kaedah yang dikenali sebagai *peer teaching* ini amat sesuai dipraktikkan bagi kumpulan pelajar yang sederhana tahap kemahiran Tilawah al-Quran. Guru akan memilih pelajar yang berkebolehan dan lancar dalam bacaan al-Quran untuk mengajar kumpulan pelajar yang kurang mahir bacaan al-Quran. Kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran asas Tilawah al-Quran kerana kurang mendapat peluang pemulihan dan bimbingan oleh guru dan rakan sebaya. Hal ini kerana guru kurang merancang aktiviti pemulihan dan menggunakan pendekatan *peer teaching* dalam pengajaran mereka. Akibatnya pelajar yang lemah dalam penguasaan kemahiran Tilawah al-Quran akan sentiasa ketinggalan berbanding rakan pelajar mereka yang sudah mahir dalam Tilawah al-Quran.

Ketiga-tiga kaedah ini amat sesuai dilaksanakan di dalam kelas dalam jumlah pelajar yang agak ramai. Namun jumlah pelajar dan tahap kemampuan pelajar juga penentu kepada kejayaan guru.

Model Jabir

Model selanjutnya ialah model pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran oleh Jabir (1991) iaitu berkaitan pengajaran bahasa. Model ini mempunyai kaitan yang rapat dengan pengajaran Tilawah al-Quran. Hal ini kerana bagi orang bukan Arab, pembelajaran al-Quran dianggap sebagai bahasa asing. Pengajaran bahasa melibatkan kemahiran mendengar, menyebut, bertutur dan memahami. Walau bagaimanapun untuk tujuan pengajaran Tilawah al-Quran hanya difokuskan kepada kemahiran membaca sahaja. Hal ini bersesuaian dengan metode pembelajaran al-Quran yang mana perlu dibaca terlebih dahulu kemudian baru difahami. Langkah pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan model ini bermula dengan pengenalan, bacaan senyap, soalan kefahaman, bacaan contoh, bacaan pelajar dan perbincangan.

Model As'ad Human

Berdasarkan perbincangan pelbagai model pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran menepati pandangan sarjana pengajaran al-Quran iaitu As'ad Humam (1999). Menurut beliau, pengajaran al-Quran tidak semestinya dengan menggunakan satu kaedah sahaja. Sebaik-baiknya dengan menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Manakala berasaskan sunnah Rasulullah s.a.w, para sahabat dan para tabi'i, proses mempelajari al-Quran bermula dengan membaca, menulis, menghafal, memahami dan mengamal. Lima aspek pembelajaran al-Quran ini adalah bermula dengan bimbingan Jibril a.s dan seterusnya melalui Rasulullah s.a.w kepada para sahabat hinggalah zaman selepas sahabat. Kaedah yang digunakan dalam pembelajaran al-Quran antara Rasulullah dan pembimbingnya iaitu Jibril a.s adalah secara bacaan dan hafalan. Pembelajaran al-Quran yang bermula dengan bacaan dan hafalan di zaman Rasulullah s.a.w ini kerana ramai dari kalangan para sahabat yang tidak tahu menulis. Kaedah pembelajaran al-Quran ini dinamakan *talaqi* dan *musyafahah*. *Talaqi* bermaksud pelajar memperoleh contoh bacaan al-Quran dari seorang guru. Semasa proses ini, guru memberi contoh bacaan dan diikuti oleh pelajar secara beramai-ramai. Manakala *musyafahah* pula ialah seorang pelajar memperoleh contoh bacaan al-Quran dari seorang guru. Melalui proses ini guru memberi contoh bacaan al-Quran kepada seorang pelajar, kemudian pelajar tersebut mengikut bacaan guru secara individu.

Berdasarkan proses pembelajaran ini, pengajaran awal al-Quran kepada mereka yang baru mengenali al-Quran adalah melalui proses bacaan dan hafalan. Pengajaran al-Quran dimulakan dengan latihan membaca dan menghafal secara berulang kali agar kebiasaan ini akan melekat dalam ingatan pelajar. Peringkat asas ini akan didedahkan dengan huruf-huruf *hija'iyah* yang berbagai bentuk seperti huruf bersambung dan berbaris. Pelajar yang dibiasakan dengan huruf-huruf ini akan memudahkan mereka dalam membina kelancaran semasa membaca al-Quran. Pembelajaran al-Quran yang bermula dengan kaedah membaca dan menghafal boleh diteruskan dengan memperkenalkan bentuk-bentuk tulisan huruf *hija'iyah*. Oleh itu proses menulis ini akan memahirkan lagi pelajar dengan bentuk-bentuk huruf *hija'iyah*. Hal ini bertepatan dengan apa yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w, di mana para sahabat mula menulis ayat-ayat al-Quran di atas pelepah tamar dan kulit binatang setelah mempelajari al-Quran secara *talaqi* dan *musyafahah* dengan panduan dari Rasulullah s.a.w.

Pelaksanaan pembelajaran al-Quran pada peringkat asas merupakan usaha memperkenalkan kepada pelajar cara menyebut dan membaca dengan betul. Hal ini bermula dengan memperkenalkan perkara-perkara berikut iaitu huruf-huruf *hija'iyah* berasingan dan bersambung, tanda-tanda baris seperti *fathah*, *kasrah*, *dhammah* dan *sukun*, lambang-lambang seperti *min*, *lam alif* dan *jim*, tanda-tanda bacaan seperti *mad*, *shaddah* dan *waqaf makraj* dan menghafal surah-surah yang pendek seperti al-Fatihah, al-Ikhlâs dan an-Nas.

Kemahiran al-Quran ini tidak terhenti setakat peringkat asas yang telah dibincangkan di atas sahaja, malah diteruskan dengan proses memahami ayat secara terperinci (*tablili* dan *maudui*) dan mengamalkan ajaran al-Quran. Namun dalam kajian ini, perbincangan hanya akan memberi fokus kepada kemahiran bacaan al-Quran sahaja. Jamaludin (2000) menyatakan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran bukan terhenti setakat *talaqi* dan *musyafahah* sahaja, malah perlu kepada berbagai-bagai pendekatan yang sesuai dengan perkembangan pendidikan terkini.

Model Jamaluddin, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Mohd Iqbal

Berdasarkan model pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran Jamaludin (2000), Kementerian Pelajaran Malaysia [KPM](2003) dan Mohd Iqbal (2005), kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran

Tilawah al-Quran meliputi kaedah *talaqi*, *musyafahah*, latih tubi, halaqah kecil, *tatbiqi*, kerja berkumpulan, kerja individu, dan *tasmi'*.

- (1) **Kaedah talaqi:** Kaedah talaqi ialah kaedah di mana guru memberi contoh bacaan kepada beberapa orang pelajar dan kemudian pelajar mengikut bacaan guru secara beramai-ramai. Proses guru memberi contoh bacaan diulang dan seterusnya pelajar mengikut bacaan guru.
- (2) **Kaedah musyafahah:** Kaedah musyafahah iaitu kaedah guru memberi contoh bacaan kepada seorang pelajar, kemudian pelajar tersebut mengikut contoh bacaan guru secara individu.
- (3) **Kaedah Tikrar:** Kaedah *tikrar* ialah kaedah latih tubi, iaitu bacaan berulang kali, selepas guru membaca, pelajar mengikut bacaan guru. Seterusnya seorang pelajar membaca dan pelajar yang lain mengikut bacaannya. Kemudian pelajar membaca secara kelas dan kumpulan secara bergilir-gilir.
- (4) **Kaedah Halaqah Kecil:** Kaedah halaqah kecil ialah kaedah dengan membuat kumpulan kecil tidak lebih dari empat orang. Seorang membaca dan yang lain mendengar serta membetulkan bacaan jika terdapat kesalahan. Aktiviti ini berjalan serentak untuk semua kumpulan.
- (5) **Kaedah Tatbiqi:** Kaedah *tatbiqi* hukum tajwid ialah kaedah pelajar didedahkan dengan kemahiran hukum tajwid dan dibaca berulang-ulang berdasarkan hukum tajwid tersebut.
- (6) **Kaedah Kerja Kumpulan:** Kaedah kerja kumpulan bermaksud pelajar diagihkan mengikut kumpulan kecil dan membuat kerja kumpulan seperti membuat carta hukum tajwid beserta penerangannya.
- (7) **Kaedah Kerja Individu:** Kaedah kerja individu pula ialah kaedah pelajar diberi lembaran kerja seperti mengenal *makbraj* huruf dan sifat huruf dan perinciannya. Namun begitu soalan hendaklah sesuai dengan tahap pelajar.
- (8) **Kaedah Tasmi':** Kaedah seterusnya ialah kaedah *tasmi'*, iaitu kaedah memperdengarkan bacaan, iaitu guru meminta pelajar secara bergilir membaca ayat al-Quran di hadapan guru. Interaksi soal jawab berkaitan hukum tajwid diaplikasikan dalam kaedah ini.

Secara ringkas terdapat lapan jenis kaedah yang digunakan dalam Model Jamaluddin, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Mohd Iqbal yang disusun secara teratur untuk memudahkan guru mengikuti kaedah-kaedah tersebut.

PENUTUP

Artikel ini telah membincangkan sejarah ringkas perkembangan pendidikan al-Quran zaman awal Islam dan sejarahnya di Malaysia. Selain itu, kaedah berkesan pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang berkesan juga telah dibincangkan dengan lengkap dan sempurna, dan akhir sekali artikel ini telah membincangkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dari perspektif ilmu dan sarjana Islam.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Mohd Aderi Che Noh. 2006. Kajian Amalan Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK2006, Jilid 11*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Qadir Leong. 1998. *Tajwid al-Quran rasm 'uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Abdul Raof Dalip. 1998. Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah. (dlm) *Pendidikan di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Abu Ghuddah, Abdul Fatah. 2001. *Rasul muallim waasalibubu fi ta'lim*. Kaherah: Maktabah Islamiah Halab.
- Abu Saleh, Muhibuddin Ahmad. 1988. *Asasiyat fi turuq tadris al-ammah*. Riyadh: Dar al-Huda. Ahmad Mohd Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Al-Buti, Said Ramadhan. 1991. *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. t.th. *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Al-Kaylani, Taisir dan Iyad, Mulhim. 1986. *At-taujih al-Fanny fi Usulat-Tarbiyah wa Tadris*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Khilwati, Isma'il Haqqi ibn Mustafa al-Istanbuli al-Hanafi. T.T. Tafsir Ruh al-Bayan. Jld. 1-10. Beirut: Dar al-Nasr.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman. 1988. *Usul al-tarbiyah al-Islamiyah wa asalibuba*. Damsyik: Dar al- Fikr.
- Al-Nashmy, Ajil Jasim. 1980. *Ma'alim fi Tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Manar.
- Al-Saboony, Mohd Ali. 1985. *At-Tibyan fi Ulum al-Quran*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Sadan, Ibrahim. A. 1999. The pedagogy of the prophet. *Muslim Education Quarterly*. Vol 16(2). The Islamic Academy, Cambridge. United Kingdom.
- As'ad Humam. 1999. *Ilmu tajwid dalam penerapan baca al-Quran*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Azizah Lebai Nordin. 1999. Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Jil. 22, 173-183.
- Azman Wan Chik. 1986. *Kaedah bayati amali: satu pendekatan mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Dill, D. D. 1990. *What teachers need to know: the knowledge, skills and values essential to good teaching*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Ibn Khaldun. 2000. *Muqadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Abbas. 1985. *Memahami tajwid dan tartil al-Quran*. Kuala Lumpur: Sri Kota.
- Jabir, Walid. 1991. *Asalib tadris lughah al-arabiyah*. Amman: Darul Fikr
- Jamaludin Ridhuan. 2000. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Kamarudin Husin. 1995. *Perkaedaban mengajar bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam* . Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kubiszyn, T dan Borich, G. 1996. *Educational testing and measurement*. New York: Harper Collins College Publishers.
- M. Abdel Haleem. 2002. The prophet Muhammad as a teacher: Implications for hadith literature. *The Islamic Quarterly* XL 6(2): 121-137
- Mohd Iqbal. 2005. *Kaedah pembelajaran al-Quran*. Jakarta: Gunung Agung.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Muhd Mukri Abdullah. 1994. *Kaedah Iqra' dalam Asuhan Tilawah al-Quran*. *Kertas Kerja Seminar Nasyid Peringkat Kebangsaan Kali ke 2*. Kuala Lumpur. Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim dan Mohd Zohir Ahmad. 2005. *Pedagogi: Strategi dan Teknik mengajar dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salim, Abdul Rashid Abdul Aziz. 1982. *Turuq tadris at-tarbiyah Islamiyah*. Al-Kuweit: Wakalah Matbu'at.
- Sharifah Alwiah Alsagof. 1984. *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Sulaiman Ngah Razali. 1997. *Pedagogi Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tickle, L. 2000. *Teacher Induction: The way ahead*. Buckingham. Open University Press. Wan Bakar Wan Dagang. 1990. Pengajaran dan pendidikan al-Quran dalam kurikulum baru sekolah rendah (KBSR). *Jurnal Pendidikan Islam*.